

## AMALAN PENGGUNAAN BAHAN BANTU MENGAJAR GURU CEMERLANG PENDIDIKAN ISLAM

Najwa Khasim<sup>1</sup>, Azman Md Zain<sup>1</sup> & Mohd Hilmi Hamzah<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Umum, CAS, UUM. E-mail: [ummufahim76@yahoo.com](mailto:ummufahim76@yahoo.com) & [manzain@uum.edu.my](mailto:manzain@uum.edu.my)

<sup>2</sup>Pusat Pengajian Kerajaan, COLGIS, UUM. E-mail: [h\\_mamat@yahoo.com](mailto:h_mamat@yahoo.com)

**Accepted date:** 5 Oktober 2017

**Published date:** 28 December 2017

### To cite this document:

Khasim, N., Md Zain, A., & Hamzah, M. H. (2017). Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Guru Cemerlang Pendidikan Islam. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 2(6), 56-69.

---

**Abstrak:** *Bahan pengajaran dan pembelajaran (PdP) merupakan elemen yang sangat penting untuk memudahkan komunikasi antara guru dengan pelajar dalam proses PdP. Hasil kajian menunjukkan bahan bantu mengajar yang digunakan oleh Guru Cemerlang Pendidikan Islam dapat menghasilkan reaksi yang positif dalam kalangan pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan. Malah Guru Cemerlang Pendidikan Islam berjaya menarik minat pelajar untuk belajar dengan lebih efektif. Penggunaan bahan bantu mengajar seperti komik, buku latihan dan iqra' oleh Guru Cemerlang Pendidikan Islam ternyata berjaya mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan dan memberi kesan yang lebih positif serta mencapai objektif pembelajaran yang terancang. Pengalaman dan kemahiran Guru Cemerlang Pendidikan Islam merupakan aset berharga yang perlu dimanfaatkan bagi merealisasikan "wisdom of practice" dan "wise practice" dalam pengajaran mata pelajaran Pendidikan Islam. Sehubungan itu, pihak yang berkaitan seperti Kementerian Pendidikan Malaysia perlu memberi perhatian terhadap aset pengetahuan dan pengalaman unik yang dimiliki oleh Guru Cemerlang Pendidikan Islam sebagai perkongsian pengalaman "best sharing practice" dengan guru-guru Pendidikan Islam yang lain.*

**Kata Kunci:** Bahan Bantu Mengajar, Guru Cemerlang, Pendidikan Islam

---

# MATERIAL USE PRACTICES TEACHING ISLAMIC EDUCATION TEACHERS

Najwa Khasim<sup>1</sup>, Azman Md Zain<sup>1</sup> & Mohd Hilmi Hamzah<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajaran Umum, CAS, UUM

E-mail: [ummufahim76@yahoo.com](mailto:ummufahim76@yahoo.com) & [manzain@uum.edu.my](mailto:manzain@uum.edu.my)

<sup>2</sup>Pusat Pengajaran Kerajaan, COLGIS, UUM

E-mail: [h\\_mamat@yahoo.com](mailto:h_mamat@yahoo.com)

---

**Abstract:** *Teaching and learning materials (PdP) are very important elements to facilitate communication between teachers and students in the PdP process. The findings show that teaching aids used by Excellent Islamic Education Teachers can produce positive reactions among students towards teaching and learning. Even Islamic Education Excellent Teachers have attracted students to learn more effectively. The use of teaching aids such as comics, training books and iqra 'by Islamic Educational Excellence Teachers has succeeded in creating an atmosphere of fun teaching and learning and has a more positive effect and achievement of organized learning objectives. Experiences and skills of Excellent Islamic Education Teachers are valuable assets that need to be utilized to realize the "wisdom of practice" and "wise practice" in the teaching of Islamic Education subjects. In this regard, related parties such as the Ministry of Education should pay attention to the knowledge and unique knowledge assets possessed by the Excellent Education Teacher of Islam as the best sharing practice experience with other Islamic Education teachers.*

**Keywords:** Teaching Materials, Excellent Teachers, Islamic Education

---

## Pengenalan

Bahan pengajaran dan pembelajaran (PdP) merupakan elemen yang sangat penting untuk memudahkan komunikasi antara guru dengan pelajar dalam proses PdP. Oleh itu, guru haruslah menguasai segala pengetahuan dan kemahiran untuk menyediakan bahan bantu mengajar (BBM) semasa PdP dijalankan agar dapat mewujudkan suasana PdP yang lebih kondusif dan selesa.

Selain itu, peranan guru juga penting dalam menentukan alat-alat bantu pengajaran dan pembelajaran. Ini kerana alat-alat itu merupakan media yang mampu mewujudkan rangsangan dan bertindak memperkembangkan kecerdasan dan pengalaman. Pengajaran dan pembelajaran yang efektif dapat dilihat melalui sejauh mana kebolehan guru-guru dalam menghasilkan PdP yang interaktif (Kamarul Azmi, Mohd Faeez, Ab. Halim & Mohd Izham, 2011). Guru yang kreatif dan inovatif sepatutnya mestilah mempunyai persediaan daripada aspek pengetahuan dan kemahiran dalam PdP termasuk mengaitkan keseluruhan aspek tersebut di dalam penyampaian pengajaran mereka (Noraini, 2002).

Dalam dunia sains dan teknologi masa kini, bahan pembelajaran bukan sahaja terhad kepada buku teks dan alat tulis serta pengajaran secara tradisional semata-mata malah meliputi bahan bantu mengajar (BBM) berdasarkan teknologi maklumat seperti komputer, internet, Liquid

Crystal Display (LCD), Compact Disc, read-only-memory (CD Rom), kamera digital dan sebagainya. Teknologi komputer, komunikasi dan teknologi maklumat merupakan suatu yang amat diminati dan menarik perhatian generasi muda termasuk pelajar sekarang ini kerana bagi mereka kandungan yang dipaparkan dalam perisian komputer merupakan suatu yang logik dan ilmiah serta sesuai dengan zaman yang canggih ini (Siti Fatimah & Ab Halim, 2010).

Dengan ini, jika guru Pendidikan Islam berkebolehan dalam mengendalikan teknologi dalam proses pengajaran mereka, pelajar sudah semestinya akan merasa kagum dan seterusnya meminati pelajaran Pendidikan Islam. Namun begitu, permasalahan yang timbul ketika ini ialah penggunaan BBM dalam PdP dalam kalangan guru Pendidikan Islam semakin kurang diamalkan kerana kekurangan peralatan, masalah kewangan dan kurang kepelbagaian kaedah dalam PdP. Menurut Sufean (2005), amalan penggunaan BBM yang efektif ini masih belum dilaksanakan secara maksimum memandangkan kesukaran guru untuk memenuhi dan menyediakan beberapa perkara seperti masa, tenaga dan wang ringgit.

Penyataan Sufean (2005) di atas sebenarnya telah menyokong pandangan yang dikemukakan oleh Ismail (2002) di mana beliau menjelaskan bahawa masih terdapat guru-guru yang mengamalkan kaedah PdP secara tradisional disebabkan tidak mendapat sokongan dan penglibatan yang serius daripada pelbagai pihak. Selain itu, terdapat masalah-masalah lain yang turut menghalang guru daripada menggunakan BBM dalam PdP seperti peruntukan masa yang kurang mencukupi dan juga guru terpaksa menghabiskan sukatan yang terlalu banyak. Ini menyebabkan ada di antara guru yang langsung tidak menggunakan BBM di dalam PdP kerana merasakan penggunaan BBM tidak penting dalam pengajaran dan guru berpendapat penyediaan BBM untuk pengajaran adalah rumit dan memerlukan masa yang banyak untuk menyiapkannya (Ismail, 2002).

Justeru, guru Pendidikan Islam perlu melakukan sesuatu yang kreatif agar mata pelajaran ini dihayati dan diminati oleh semua pelajar. Guru-guru juga patut mempelbagaikan kaedah pengajaran dengan menggunakan komputer atau BBM lain yang bersesuaian dan dapat menarik minat pelajar. Kajian menunjukkan bahawa BBM utama dan BBM sampingan yang dilaksanakan oleh Guru Cemerlang Pendidikan Islam menarik perhatian pelajar, memudahkan kefahaman pelajar serta dapat meningkatkan penguasaan pelajar terhadap sesuatu tajuk.

### **Bahan Bantu Mengajar**

Bahan pengajaran dan pembelajaran ditakrifkan sebagai apa sahaja alat atau bahan yang digunakan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Tujuannya ialah untuk menolong, memudah dan memperkuuhkan lagi pengajaran guru supaya aktiviti pengajaran dan pembelajaran akan menjadi lebih berkesan, menarik dan menyeronokkan kepada para pelajar.

Selain daripada itu, BBM dapat memberi pengalaman sebenar apabila realia-realia (objek sebenar) digunakan. Pembelajaran juga lebih mendalam kerana penggunaan BBM dapat merangsang pelbagai deria pelajar. Pengajaran akan bertambah mudah dengan penggunaan BBM. Malah dengan penggunaan BBM, guru berjaya menarik perhatian dan tumpuan pelajar terhadap pelajaran. BBM akan menimbulkan beberapa implikasi positif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Antaranya BBM dapat melicinkan proses pengajaran dan pembelajaran, menjimatkan masa, tenaga dan kewangan, mengelakkan kebosanan dalam

kalangan pelajar dan membantu pelajar mendapat kesan positif yang maksimum dengan penggunaan masa yang minimum.

Bahan pengajaran dan pembelajaran terbahagi kepada tiga iaitu:

- a) Bahan pengajaran dan pembelajaran am seperti papan hitam dan buku bercetak.
- b) Alat pandang dengar terbahagi kepada dua iaitu alat pandang dan alat dengar. Contoh alat pandang seperti objek, model, patung, gambar, lukisan, diorama, foto, glob, peta, carta, gambar rajah, graf, poster, kartun dan bahan salinan. Manakala alat dengar pula seperti radio, alat pemain piring hitam, pita rakaman suara dan sistem pembesar suara. Filem suara dan televisyen pula bercorak pandang dengar).
- c) Alat ciptaan baru bagi pengajaran berprogram seperti komputer dan simulasi. Sebelum era teknologi, guru menggunakan BBM seperti papan hitam, kapur, dan buku teks dalam sesi pengajarannya. Dalam era zaman teknologi pula pelbagai BBM digunakan seperti `slide projector`, radio, TV, video dan kini komputer pula digunakan secara meluas. Penciptaan komputer telah memberi jalan kepada pengenalan internet. Kini internet telah menjadi salah satu inovasi penting dalam teknologi pendidikan. Pada masa sekarang internet digunakan secara meluas di negara-negara maju dan Malaysia juga tidak ketinggalan dalam hal ini.

BBM juga merupakan alat bantu mengajar yang mempunyai komunikatif tinggi yang mampu membantu pelajar memperolehi pengalaman belajar yang menyeronokkan serta sangat berfaedah dan dapat mengembangkan lagi sikap ilmiah, sikap sosial, kemantapan emosi dan daya penghargaan.

### **Pendidikan Islam**

Pendidikan Islam merupakan salah satu daripada usaha berterusan untuk menerapkan ilmu pengetahuan agama Islam kepada para pelajar dan masyarakat awam. Ia merangkumi usaha memberi pengetahuan tentang agama Islam yang meliputi akidah, syariah dan akhlak. Ia menekankan kepada penghayatan terhadap akidah dan kepercayaan dalam Islam, perlaksanaan ibadat khusus dan umum serta memberikan panduan dalam membentuk sikap bertanggungjawab dalam diri terhadap pencipta, manusia dan alam.

Dalam usaha menjadikan kehidupan seorang insan itu memiliki cara hidup yang berlandaskan ajaran Islam yang sebenar, maka ilmu yang disampaikan mestilah mengikut kaedah yang betul dan memudahkan masyarakat terutama para pelajar memahami isi kandungan agama Islam. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran juga perlu sentiasa dinilai agar segala kelemahan dapat diperbaiki dan ditambah baik. Harapannya supaya hasil pembelajaran yang disampaikan oleh para pendidik dapat melahirkan pelajar yang berilmu pengetahuan, beramal soleh, berinovasi dan kreatif serta dapat menjadikannya sebagai amalan harian dalam setiap aspek cara hidup mereka.

Menurut tatabahasa Melayu, perkataan pendidikan adalah berasal daripada perkataan didik yang dikategorikan sebagai kata kerja. Perkataan didik dalam bentuk kata kerja ini bermaksud pelihara, menjaga dan ajar. Apabila ia diubah menjadi kata terbitan dengan penambahan awalan pen- dan akhiran -an, ia menjadi pendidikan yang bermaksud perihal mendidik, pengetahuan mendidik, didikan, latihan dan ajaran (Kamus Dewan, 2010).

Istilah pendidikan dalam Bahasa Inggeris dikenali sebagai *education* yang bererti pendidikan atau latihan (Hawkins, 2001). Manakala dalam bahasa Arab istilah ini dikenali sebagai *tarbiyah*

yang bererti pemeliharaan, asuhan dan didikan (Muhammad Idris, 1998). Ia juga diterjemahkan sebagai *ta'lim* dan *ta'dib*. Ketiga-tiga perkataan dalam bahasa Arab itu digunakan dengan membawa maksud yang tersendiri dalam menggambarkan pengertian pendidikan (Hasan, 1997).

Menurut Al-Sharqawi (1983) pendidikan ialah mengajak manusia kepada sesuatu yang mempunyai kaitan dengan penciptanya, yang membawa kepada jalan yang sama dengan akidah Islam. Manakala menurut Fathi (1997) pula pendidikan secara umumnya adalah satu proses untuk membina individu dan masyarakat berdasarkan asas kefahaman ideologi dan nilai murni yang khusus.

Manakala menurut Abdullah (1989) pendidikan ialah memperkembangkan bakat dengan cara menghindarkan segala penghalang atau rintangan. Pendidikan bukanlah suatu yang mudah seperti membina bangunan atau jentera, tetapi proses pendidikan ialah membina manusia dan memastikan manusia terus menjadi manusia. Kalau seorang jurutera mungkin mampu membina sebuah jentera yang besar, tetapi seorang guru mampu melahirkan insan yang berjiwa besar. Seorang arkitek mampu membina bangunan yang indah, akan tetapi seorang gurulah yang melahirkan arkitek yang membina bangunan yang indah itu.

### **Ulasan Karya**

Terdapat beberapa kajian berkenaan keberkesanan penggunaan BBM oleh Guru Cemerlang Pendidikan Islam. Antara kajian-kajian yang pernah dilakukan ialah kajian yang ditulis oleh Siti Fatimah dan Ab. Halim (2010) yang bertajuk “Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Berasaskan Teknologi Multimedia dalam Pengajaran j-QAF”. Melalui kajian ini beliau menjelaskan tahap penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) berdasarkan teknologi multimedia (TMm) dalam pengajaran guru j-QAF. Dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran, penggunaan BBM berdasarkan TMm dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) dilihat amat efektif dan sesuai kepada para pendidik. Penulis menjelaskan dapatan kajian berkaitan persepsi guru-guru j-QAF terhadap penggunaan BBM berdasarkan TMm dalam pengajaran mereka. Hasil kajian mendapati bahawa guru j-QAF mempunyai persepsi yang tinggi terhadap penggunaan BBM yang berdasarkan TMm dalam pengajaran secara umum dengan nilai purata min 4.00. Kajian ini juga mendapati tidak terdapat perbezaan yang sifnifikan persepsi penggunaan BBM berdasarkan TMm dalam kalangan guru berdasarkan jantina, lokasi sekolah dan bidang pengkhususan mereka.

Kajian seterusnya ialah dari Kamarul Azmi, Mohd. Faeez, Ab. Halim dan Mohd. Izham (2011) mengenai “Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Dalam Kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah Di Malaysia”. Hasil kajian ini mendapati bahawa terdapat 16 jenis BBM yang digunakan oleh GCPI dalam PdP mereka. Ia diklasifikasikan kepada BBM pola dan bukan pola. Terdapat enam jenis BBM yang membentuk pola penggunaan amalannya dalam kalangan CGPI yang utama iaitu buku teks, komputer dan LCD. BBM yang membentuk pola sampingan pula ialah kertas edaran dan modul, kertas mahjung, buku rujukan dan gambar. Manakala BBM yang tidak membentuk pola ialah carta, akhbar dan keratan, movie dan video, buku latihan, OHP dan transparensi, papan hitam dan putih, bahan maujud, radio, kaset, fail audio, folio dan kertas manila kad.

Manakala kajian oleh Norliza Mohamad Sattar dan Roseamnah (2013) mengenai “Penggunaan Laman Web Sebagai Transformasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam” mendapati bahawa penggunaan internet dan aplikasi web bukan sahaja memberi kemudahan kepada pelajar, bahkan kepada guru untuk menyediakan bahan pengajaran serta menyelia

aktiviti yang dilakukan oleh pelajar dalam proses pembelajaran. Perkara ini dilihat dapat meringankan tugas guru dalam proses PdP.

Noraffandy, Siti Fatimah, Mohamad Bilal Ali dan Megat Aman Zahiri (2006) dari Jabatan Multimedia Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia turut membuat kajian yang bertajuk “Pengaplikasian ICT Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam: Kajian Kalangan Graduan Pendidikan Islam UTM”. Beliau melihat dalam kajianya kepada dua aspek iaitu mengenal pasti pengaplikasian ICT dalam PdP Pendidikan Islam dalam kalangan graduan SPI UTM. Selain itu, kajian ini juga adalah untuk melihat sejauh mana tahap kemahiran ICT serta mengenal pasti masalah pengaplikasian ICT dalam PdP. Berpandukan hasil kajian tersebut, penyelidik telah mengutarakan beberapa cadangan bagi membantu pihak Kementerian Pelajaran, Fakulti Pendidikan UTM dan guru Pendidikan Islam khususnya bagi meningkatkan penggunaan ICT dalam PdP Pendidikan Islam selari dengan kemajuan pendidikan negara.

Manakala kajian yang dibuat oleh Aliff dan Mohd Isa (2013) pula ialah berkaitan tentang “Tahap Penerimaan Penggunaan Telefon Bimbit Sebagai M-Pembelajaran dalam Pendidikan Islam” di mana ianya bertujuan mengenal pasti tahap penerimaan guru dan pelajar terhadap penggunaan telefon bimbit sebagai m-pembelajaran dalam Pendidikan Islam. Hasil daripada kajian ini menyatakan bahawa penggunaan telefon bimbit sebagai alat m-pembelajaran adalah bersesuaian dan wajar untuk digunakan dalam kalangan guru. Cadangan untuk melaksanakan telefon bimbit sebagai m-pelajaran dalam Pendidikan Islam perlu diterokai. Beberapa cadangan turut dikemukakan untuk memastikan penggunaan telefon bimbit dapat memberi kesan yang baik dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam.

Juga terdapat kajian yang bertajuk “Tahap Penerimaan Media Sosial Bagi Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Dan Hubungannya Dengan Gaya Pembelajaran Bagi Pelajar Tahun Akhir Fakulti Pendidikan UTM”. Kajian ini dibuat oleh Mohamad Rashidi dan Jamaludin (2011) mengenai gaya pembelajaran berdasarkan teori kecerdasan oleh Howard Gardner terhadap 137 pelajar tahun akhir Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. Kajian ini bertujuan mendapatkan maklum balas ciri dan penggunaan media sosial bagi proses pengajaran dan pembelajaran dan hubungannya dengan gaya pembelajaran. Hasil kajian yang dijalankan memperlihatkan ciri-ciri interaktif dan fleksibiliti dalam media sosial dapat diintegrasikan ke dalam Sistem Pengurusan Pembelajaran. Selain itu, kajian ini juga melihat hubungan penerimaan media sosial dalam pengajaran dan pembelajaran dengan gaya pembelajaran mengikut beberapa aspek penilaian seperti perkongsian maklumat, komunikasi berkesan dan kepelbagaiannya media.

Kajian seterusnya adalah daripada Johari dan Norhayati (2010) iaitu kajian mengenai “Penggunaan Internet Di Dalam Mempertingkatkan Proses Pengajaran Dan Pembelajaran (PdP) Dalam Kalangan Pensyarah Fakulti Pendidikan, UTM Skudai”. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti penggunaan internet dalam mempertingkatkan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) di dalam kalangan pensyarah di Fakulti Pendidikan, UTM. Kajian ini juga dibuat untuk mengetahui persepsi penggunaan internet dalam PdP, tahap penggunaan internet, bentuk atau aplikasi internet, dan masalah yang dihadapi ketika menggunakan internet dalam proses PdP. Dapatkan kajian menunjukkan persepsi pensyarah mengenai penggunaan internet dalam PdP adalah positif dengan nilai min purata 3.82 namun tahap penggunaan internet dalam PdP adalah berada pada tahap yang sederhana dengan nilai purata min 2.64. Selain itu, bentuk penggunaan internet yang sering digunakan dalam P&P adalah memuat naik (upload) bahan pengajaran contohnya nota kepada pelajar (58.7%) manakala masalah yang sering dihadapi

oleh pensyarah ketika menggunakan internet dalam proses PdP adalah masalah pengurusan masa dan masalah talian internet.

Kamarul Azmi, Ab. Halim dan Mohd. Izham (2011) turut membuat kajian yang bertajuk “Kajian Kes Penggunaan Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) Sekolah Bandar Dan Luar Bandar: Satu Kajian Perbandingan. Mereka mendapati salah satu ciri pengajaran berkesan ialah kepelbagaian dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Kepelbagaian dalam kaedah pengajaran bertujuan untuk memberi pengalaman pengajaran dan pembelajaran yang bermakna kepada para pelajar malah meningkatkan motivasi mereka untuk belajar. Melihat kepada kepentingan penggunaan pengkaedahan ini, maka pengkaji terdorong untuk mengkaji bentuk kaedah pengajaran dan pembelajaran yang diamalkan oleh lapan orang Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) yang mengajar di pelbagai jenis sekolah menengah di luar bandar dan bandar sebagai satu kajian perbandingan. Hasil dapatan data soal selidik menunjukkan bahawa terdapat kecenderungan yang serupa dalam penggunaan kaedah pengajaran dan pembelajaran GCPI di sekolah menengah luar bandar dan bandar. Beberapa cadangan juga dikemukakan bagi meningkatkan penggunaan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lebih pelbagai di sekolah luar bandar dan bandar.

Manakala kajian yang dibuat seterusnya ialah berkaitan “Keberkesanan Penggunaan Alat Bantu Mengajar Berbantuan Komputer Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Subjek Kemahiran Hidup (KH) Di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kedah, Alor Star, Kedah”. Kajian ini dilakukan oleh Yahya dan Noor Al Mahdin (2010). Hasil kajian yang dijalankan mendapati kesemua faktor tersebut kurang mempengaruhi keberkesanannya kepada proses pengajaran dan pembelajaran. Pengkaji mencadangkan kajian lanjutan berfokus kepada faktor yang mempengaruhi keberkesanannya proses pengajaran dan pembelajaran.

Kajian Nur Hanani Hussin, Mohd Aderi dan Ab. Halim (2013) yang bertajuk “Elemen Mengenali Murid dalam Pengajaran Guru Cemerlang Pendidikan Islam” menjelaskan kajian ini memberi fokus untuk menjawab persoalan yang ditentukan berdasarkan objektif kajian yang telah ditetapkan iaitu pengetahuan terhadap murid peserta kajian dalam pengajaran ibadat Pendidikan Islam. Ustazah Soleha (bukan nama sebenar) diiktiraf sebagai Guru Cemerlang Pendidikan Islam ketika berusia 29 tahun. Kes ini menarik dan unik antaranya kerana beliau merasakan tugas dan tanggungjawabnya tidak hanya terhenti sebagai guru bahkan turut menggalas tugas daie di sekolah. Ustazah Soleha pernah memegang jawatan utama sebagai Setiausaha Disiplin dan merupakan Jurulatih Utama Pendidikan Islam Daerah di negeri beliau bertugas. Berdasarkan pengamatan pengkaji terhadap beliau melalui tiga sesi temu bual dan pemerhatian yang dijalankan, Ustazah Soleha sangat mengambil berat terhadap muridnya dan sering bertanya sama ada mereka melaksanakan solat Subuh atau sebaliknya.

Kajian yang berikutnya oleh Segaran A/L Shanmugam (1999) yang bertajuk “Penggunaan Bahan Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Bilik Darjah Di Sekolah-Sekolah Menengah Di Daerah Port Dickson, Negeri Sembilan”. Hasil kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa kesemua pusat sumber sekolah mempunyai kemudahan-kemudahan yang diperlukan. Bilangan media elektronik adalah kurang dibandingkan dengan media bukan elektronik. Dapatkan kajian juga menunjukkan bahawa walaupun semua guru menggunakan bahan pengajaran dan pembelajaran dalam pengajaran mereka, namun media bukan elektronik yang lebih popular. Terdapat juga perbezaan yang ketara dari segi kekerapan penggunaan media elektronik dan bukan elektronik. Komputer dan projektor slaid paling jarang digunakan. Guru juga

berkeyakinan menggunakan bahan pengajaran dan pembelajaran melainkan komputer dan projektor slaid. Dapatkan kajian juga menunjukkan guru-guru mempunyai pandangan positif terhadap penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran. Namun begitu mereka menghadapi beberapa masalah dalam melaksanakan penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah yang telah dikenal pasti dalam kajian ini.

Kajian seterusnya adalah mengenai “Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Berasaskan Multimedia Interaktif” oleh Zakiah (2012). Kajian ini mengkaji persepsi pelajar JTMK POLIMAS dan mengetahui kesediaan dan penerimaan pelajar terhadap penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) berdasarkan multimedia interaktif dalam kursus FP101 Prinsip-prinsip Pengaturcaraan. Dapatkan kajian menunjukkan penerimaan yang baik terhadap penggunaan BBM berdasarkan multimedia interaktif.

Justeru itu, berdasarkan kepada kajian-kajian yang telah dilakukan oleh penulis-penulis yang terdahulu di atas, pengkaji telah menjadikannya sebagai panduan untuk mengkaji bahan bantu mengajar utama dan bahan bantu mengajar sampingan Guru Cemerlang Pendidikan Islam di sebuah sekolah di daerah Pendang. Selain itu, pengkaji juga meneliti amalan penggunaan bahan bantu mengajar Guru Cemerlang Pendidikan Islam dan seterusnya menganalisis reaksi pelajar terhadap penggunaan bahan bantu mengajar dalam PdP oleh Guru Cemerlang Pendidikan Islam.

## **Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif yang melibatkan kaedah temubual dengan beberapa orang guru cemerlang, guru biasa dan pelajar bagi menjawab persoalan yang dibentuk dalam artikel ini. Untuk menganalisis data dalam kajian ini, pengkaji menggunakan program perisian Nvivo 10 (source, nodes, queiries, model dan classification). Penggunaan ini adalah untuk mengumpul segala data yang diperolehi selepas pengekodan dilakukan bagi tujuan menganalisis data. Selepas dapatan kajian dihasilkan, langkah seterusnya adalah menggunakan model untuk menunjukkan model holistik kajian. Tujuan kesemua analisis ini dibuat adalah untuk memperolehi gambaran keseluruhan mengenai kategori berdasarkan analisis secara kualitatif. Cara ini perlu untuk menghuraikan segala data yang diperolehi

## **Hasil Kajian**

Dalam kajian ini, berdasarkan pemerhatian dan temu bual yang dilakukan, hasil analisis Nvivo 10, memperlihatkan tiga pola utama penggunaan BBM Guru Cemerlang Pendidikan Islam di sekolah yang dibuat kajian iaitu penggunaan komik, buku latihan dan Iqra’.

Berdasarkan kepada penyataan responden Guru Cemerlang Pendidikan Islam, penggunaan BBM komik merupakan BBM yang paling menarik dan efektif yang menyebabkan guru tersebut diiktiraf sebagai Guru Cemerlang Pendidikan Islam. Penggunaan komik sebagai bahan PdP sudah pasti mampu mewujudkan suasana yang menyeronokkan dan boleh mempengaruhi emosi pelajar untuk belajar dengan lebih tekun. Komik juga merupakan media yang mempunyai sifat sederhana, jelas, mudah difahami serta media yang berinformasi dan berpendidikan. Selain itu, komik juga merupakan hasil daya cipta dan karya manusia, mempunyai cerita dan gambar serta mempunyai daya penarik yang luar biasa sehingga objektif pembelajaran mudah dicapai dan mudah difahami oleh pelajar. Gabungan kartun di dalam komik adalah suatu penghasilan unik yang diminati oleh pelbagai peringkat manusia. Penggunaan bahan kartun di dalam komik

boleh dieksplotasi dalam bentuk refleksi peristiwa, menghurai ataupun mengkritik watak dan menulis dialog dengan menggunakan imaginasi sendiri. Malahan bahan-bahan kartun yang terdapat di dalam komik boleh mengasah minda dan menarik minat pelajar untuk berhujah dan berinteraksi sesuai dengan tajuk yang dipelajari.

Menurut beberapa orang responden lagi, komik juga dapat digunakan bagi mempertajamkan lagi daya kreativiti dan imaginasi pelajar dengan aktiviti meramal sebelum dan selepas sesuatu cerita. Sehubungan itu, Guru Cemerlang Pendidikan Islam ini menggunakan komik sebagai alat BBM dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Bermula dengan melukis kartun-kartun dan menyusunnya menjadi sebuah penceritaan bertepatan dengan tajuk dan objektif PdP yang akan dijalankan. Melalui inovasi yang dilakukan oleh Guru Cemerlang Pendidikan Islam ini, motivasi, semangat dan keseronokan pelajar untuk belajar dapat ditingkatkan. Cerita-cerita komik yang dihasilkan oleh Guru Cemerlang Pendidikan Islam ini adalah ringkas, menarik perhatian, menghiburkan hati dan dihasilkan daripada hasil kerja tangan sendiri serta terdapat aksi-aksi yang menarik untuk meneruskan bacaan. Kartun dalam komik tersebut dihasilkan agar nampak lebih hidup serta mempunyai warna-warni pada kartunnya. Yang paling penting, cerita di dalam komik yang dihasilkan oleh Guru Cemerlang Pendidikan Islam itu adalah berbentuk dialog dengan sedikit kata-kata pengantar dalam cerita tersebut. Selain itu, pelajar juga dapat melakonkan semula watak yang dihasilkan dalam penceritaan komik tersebut. Secara tidak langsung, pelajar dapat mengingati dan memahami tajuk dan objektif pengajaran yang telah disampaikan. Oleh itu, penggunaan komik di dalam PdP mempunyai daya tarikan tersendiri untuk melahirkan suasana PdP yang lebih efektif dan kreatif berbanding penggunaan BBM yang berbentuk bacaan seperti buku teks.


Selain daripada menggunakan komik sebagai BBM, hasil dapatan juga menunjukkan elemen kedua yang digunakan oleh Guru Cemerlang Pendidikan Islam iaitu buku latihan atau buku nota di dalam pengajarannya adalah bertujuan untuk mengaplikasikan kaedah latih tubi, penghasilan nota dan ada pembelajaran kendiri. Menurut responden Guru Cemerlang Pendidikan Islam dalam penggunaan buku latihan sebagai BBM, pengelasan bahagian telah dibuat dalam mata pelajaran Ulum Syariah. Setiap bahagian telah dibahagikan kepada 12 hingga 15 muka surat dan membuat penanda atau label bagi setiap bahagian iaitu bahagian Aqidah, Ibadah, Sirah dan Adab dan Akhlak Islamiyyah. Setiap bahagian pada label-label tersebut, akan diwarnakan mengikut warna yang ditetapkan di dalam buku teks Pendidikan Islam. Tujuan Guru Cemerlang Pendidikan Islam membuat pengelasan bahagian di dalam mata pelajaran Ulum Syariah itu adalah untuk memudahkan pelajar mencari bahagian mata pelajaran tersebut untuk membuat catatan nota semasa PdP dijalankan. Tajuk di dalam sukatan pelajaran adalah tidak sama bahagiannya pada setiap minggu. Contohnya, pada minggu ini bahagian Akhlak, minggu hadapan bahagian Aqidah dan begitulah seterusnya. Oleh itu, ianya menjadi lebih mudah kepada pelajar untuk menulis catatan nota kerana nota yang dicatatkan adalah berterusan bagi tajuk-tajuk yang berkaitan tanpa diselangi oleh bahagian lain di dalam satu pengelasan atau topik.

Di samping itu, teknik ini juga dapat memudahkan pelajar untuk mengulang kaji mata pelajaran, apabila guru telah membuat pengelasan bahagian. Secara tidak langsungnya, pelajar mudah untuk menguasai tajuk yang diajar oleh guru serta dapat dijadikan sebagai pengukuhan dan pemantapan kepada pelajar (Kamarul Azmi et al., 2011). Guru Cemerlang Pendidikan Islam tidak kerap menggunakan kertas edaran latihan dan modul kerana buku latihan dan buku aktiviti telah banyak diperuntukkan kepada pelajar oleh KPM mahupun pembelian secara individu.

Elemen ketiga yang digunakan Guru Cemerlang Pendidikan Islam ialah menggunakan BBM iqra' kepada pelajar yang masih belum menguasai al-Quran dan pelajar-pelajar yang masih membaca iqra' semasa kelas tasmik dijalankan (KPM, 2009). Guru Cemerlang Pendidikan Islam lebih gemar menggunakan iqra' yang telah dibukukan semula kerana ianya mengandungi muka surat tertentu sahaja. Sebagai contoh buku iqra' tersebut mengandungi helaian-helaian muka surat terpenting dari iqra' 1-6 di mana tujuannya adalah untuk memberi fokus kepada kaedah-kaedah bacaan tertentu sahaja (lampiran 2). Secara tidak langsung, kaedah ini akan memudahkan pelajar untuk memberi lebih penekanan pembacaan kepada helaian-helaian muka surat tersebut sahaja (Ramlah, 2016).

Penggunaan kaedah tersebut dapat membantu Guru Cemerlang Pendidikan Islam membuat latih tubi dan pengukuhan kepada pelajar agar mereka cepat dan mudah menguasai bacaan iqra' dan seterusnya dapat membaca al-Quran dengan baik. Pada masa yang sama, Guru Cemerlang Pendidikan Islam tidak perlu menggunakan Muqaddam, buku Qiraati dan buku Baghdadi di dalam pengajarannya kerana ianya bersesuaian dengan ketetapan yang tertera di dalam sukanan pelajaran Pendidikan Islam.

Rajah 1 memerihalkan dapatan kajian bagi amalan penggunaan BBM guru cemerlang pendidikan Islam.



## Perbincangan

Berdasarkan kepada dapatan kajian memperlihatkan tiga pola utama penggunaan BBM Guru Cemerlang Pendidikan Islam di sekolah yang dibuat kajian iaitu penggunaan komik, buku latihan dan Iqra'. Penggunaan BBM komik merupakan BBM yang paling menarik dan efektif yang menyebabkan guru tersebut diiktiraf sebagai Guru Cemerlang Pendidikan Islam.

Penggunaan komik sebagai bahan PdP sudah pasti mampu mewujudkan suasana yang menyeronokkan dan boleh mempengaruhi emosi pelajar untuk belajar dengan lebih tekun dan lebih berusaha lagi. Di samping itu, ia juga dapat menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang lebih efektif.

Enam item dihasilkan bagi menunjukkan reaksi positif pelajar terhadap penggunaan BBM Guru Cemerlang iaitu kehadiran pelajar, pengajaran dan pembelajaran menyeronokkan, berlaku komunikasi dua hala, tugas yang diberikan dapat disiapkan, keputusan peperiksaan meningkat dan membantu pelajar mengaplikasikan pembelajaran yang diterima dalam kehidupan seharian.

Berdasarkan dapatan-dapatan yang telah diperolehi, artikel ini mengemukakan beberapa cadangan sebagai maklum balas kepada kajian yang telah dijalankan. Kajian seterusnya boleh melibatkan amalan penggunaan bahan bantu mengajar Guru Cemerlang Pendidikan Islam di banyak daerah dalam Malaysia, tidak hanya berfokus kepada satu daerah sahaja. Ini akan lebih memudahkan pengkaji untuk mencari dan memilih responden yang betul-betul bersesuaian. Di samping itu, lebih mudah dan pantas bagi pengkaji untuk mengumpul dan menganalisis data dengan baik.

Pengkaji juga boleh membuat kajian tentang kriteria-kriteria yang menyebabkan guru boleh diiktiraf sebagai Guru Cemerlang di bawah anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia. Adakah kriteria-kriteria yang digariskan itu sudah mencukupi untuk mengiktiraf seseorang itu sebagai Guru Cemerlang atau sebaliknya.

Cadangan seterusnya ialah Guru Cemerlang amnya dan Guru Cemerlang Pendidikan Islam khasnya perlu mendapat sokongan dan rangsangan yang lebih baik daripada pihak pentadbiran dan pengurusan sekolah. Ini adalah sebagai penghargaan yang terlalu bererti dan bernilai kepada Guru Cemerlang tersebut.

Kajian yang dijalankan juga perlu dilakukan dengan lebih teratur dan sistematik lagi iaitu dengan melanjutkan lagi tempoh masa kajian. Di samping itu pengkaji harus mencari masa kajian yang lebih sesuai supaya tidak mengganggu pengajaran dan pembelajaran responden. Seterusnya, keprihatinan guru-guru, pihak pentadbiran dan pengurusan sekolah amat penting untuk memastikan wujudnya penggunaan bahan bantu mengajar dalam pengajaran dan pembelajaran supaya objektif pembelajaran pelajar akan lebih berkesan, efektif dan tercapai. Suasana pembelajaran juga akan lebih menyeronokkan serta dapat mewujudkan keadaan yang harmoni dan terkawal. Pelajar juga dapat memberi tumpuan dan perhatian yang sepenuhnya semasa proses PdP berlaku.

Cadangan yang seterusnya ialah guru dan murid perlu mewujudkan hubungan yang rapat bagi memudahkan guru berinteraksi dan mewujudkan interaksi dua hala semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlaku.

Bidang perguruan mempunyai perkaitan rapat dengan pengurusan dan pembangunan manusia. Maka kecerdasan emosi dan sosial guru perlu konsisten sebagai prasyarat untuk mencapai kejayaan dalam mengurus dan membangunkan manusia bagi menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan. Kecerdasan emosi amat penting bagi memberi motivasi, mengelola, mengurus, mengaktifkan tingkah laku dalam komuniti tempat kerja. Dimensi kecerdasan emosi dan sosial yang rendah dalam kalangan guru boleh memberi impak yang negatif kepada perkembangan kehidupan pelajar sekolah, komuniti dan pada masa yang sama tempat kerja. juga mungkin akan terjejas.

Selain itu Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia perlu melaksanakan lebih banyak latihan dan bengkel kepada guru Pendidikan Islam bagi meningkatkan kecerdasan

emosi dan sosial. Penumpuan kepada aspek ini bukan sahaja dapat melonjakkan prestasi akademik tetapi juga dapat mengurangkan gejala sosial dalam kalangan remaja di negara ini. Guru Pendidikan Islam amnya dan Guru Cemerlang Pendidikan Islam khasnya perlu lebih kreatif dalam menggunakan kaedah serta teknik pengajaran yang berpusatkan pelajar kerana guru Pendidikan Islam tidak boleh menafikan minat pelajar era informasi dan teknologi yang lebih gemar dengan aktiviti pembelajaran yang aktif dan mencabar.

Di samping itu, tugas guru Pendidikan Islam sebagai murabbi yang merupakan agen perubahan negara tidak terbatas hanya di sekolah, bahkan guru Pendidikan Islam juga turut memainkan peranan dalam membentuk masyarakat. Perkara ini perlu direalisasikan melalui penglibatan guru Pendidikan Islam dalam aktiviti kemasyarakatan yang berkaitan dengan bidang kepakaran. Semua guru terutamanya guru Pendidikan Islam juga perlu meningkatkan kualiti diri sendiri yang bukan sahaja mahir dalam ilmu agama, malah ilmu teknologi maklumat masa kini perlu juga dikuasai bagi menghasilkan guru yang berkualiti untuk memenuhi keperluan pendidikan negara masa kini. Kajian ini mencadangkan guru Pendidikan Islam dapat meningkatkan lagi kemahiran Information and Communications Technology (ICT) dan profesionalisme mereka dalam menjalankan tanggungjawab sebagai guru yang berkualiti untuk pendidikan negara. Mereka juga diharapkan dapat mengaplikasikan segala ilmu yang dipelajari bagi membuktikan bahawa guru Pendidikan Islam juga mampu menguasai bidang teknologi ICT dalam pendidikan negara.

## Kesimpulan

Hasil kajian yang dilakukan mendapati bahawa bahan bantu mengajar yang digunakan oleh Guru Cemerlang Pendidikan Islam dapat menghasilkan reaksi yang positif dalam kalangan pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan. Malah Guru Cemerlang Pendidikan Islam berjaya menarik minat pelajar untuk belajar dengan lebih efektif. Penggunaan bahan bantu mengajar seperti komik, buku latihan dan iqra' oleh Guru Cemerlang Pendidikan Islam ternyata berjaya mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan dan memberi kesan yang lebih berkesan serta mencapai objektif pembelajaran yang terancang. Pengalaman dan kemahiran Guru Cemerlang Pendidikan Islam merupakan aset berharga yang perlu dimanfaatkan bagi merealisasikan “*wisdom of practice*” dan “*wise practice*” dalam pengajaran mata pelajaran Pendidikan Islam. Sehubungan itu, pihak yang berkaitan seperti Kementerian Pendidikan Malaysia perlu memberi perhatian terhadap aset pengetahuan dan pengalaman unik yang dimiliki oleh Guru Cemerlang Pendidikan Islam sebagai perkongsian pengalaman “*best sharing practice*” dengan guru-guru Pendidikan Islam yang lain.

## Rujukan

- Abdullah al-Qari Hj. Salleh (1989). *Dasar-dasar Pendidikan Menurut Islam*. c.3. Kota Baru: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd. h.37.
- Aliff Nawi & Mohd Isa Hamzah (2013). *Tahap Penerimaan Penggunaan Telefon Bimbit Sebagai m-Pembelajaran Dalam Pendidikan Islam*. *Journal of Islamic And Arabic Education*. Vol. 5 Issue 1.
- Al-Sharqawi, Hassan (1983). *Nahw Tarbiah Islamiah*. Iskandariah: Muassasah Thiyab al-Jami'ah.
- Fathi Yakan (1997). *al-Tarbiah al-Wiqaiyyah fi al-Islam*. c.2. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Hasan Langgulung (1997). *Asas-asas Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Perpustakaan. h.5.
- Hawkins, J. M. (2001). *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar*. c.3. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. h.121.
- Ismail Zain (2002). *Aplikasi Multimedia Dalam Pengajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications Sdn. Bhd.
- Jamalluddin Harun & Zaidatun Tasir (2000). *Pengenalan Kepada Multimedia*. Kuala Lumpur: Venton Publishing.
- Johari Hassan & Norhayati Edje (2010). *Penggunaan Internet Di Dalam Mempertingkatkan Proses PdP Dalam Kalangan Pensyarah Fakulti Pendidikan*: UTM Skudai.
- Kamarul Azmi Jasmi, Mohd. Faeez Ilias, Ab. Halim Tamuri dan Mohd. Izham Mohd. Hamzah (2011). *Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Dalam Kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah Di Malaysia*. *Journal of Islamic And Arabic Education*. Vol. 3 Issue 1.
- Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri dan Mohd. Izham Mohd. Hamzah (2011). *Kajian Kes Penggunaan Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) Sekolah Bandar Dan Luar Bandar: Satu Kajian Perbandingan*. *Jurnal Teknologi*. h 56 (Sains Sosial).
- Mohamad Rashidi Anang dan Jamaludin Harun (2011). *Tahap Penerimaan Media Sosial Bagi Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Dan Hubungannya Dengan Gaya Pembelajaran Bagi Pelajar Tahun Akhir Fakulti Pendidikan*: UTM.
- Muhammad Idris al-Marbawi (1998). *Kamus Idris al-Marbawi Arab-Melayu*. Kuala Lumpur: Dar al-Nu'man. h. 225.
- Noraffandy Yahaya, Siti Fatimah Ahmad, Mohamad Bilal Ali & Megat Aman Zahiri Megat Zakaria (2006). *Pengaplikasian ICT Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam: Kajian Di Kalangan Graduan Pendidikan Islam*: UTM.
- Noraini Attan (2002). *Tahap Kesediaan Guru Terhadap Pengetahuan Kandungan Pedagogi Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan Tingkatan Satu*. Universiti Putra Malaysia. [http://psasir.upm.edu.my/11069/1/FPP\\_2010\\_1\\_A.pdf\\_](http://psasir.upm.edu.my/11069/1/FPP_2010_1_A.pdf_).
- Norliza Hussin, Mohamad Sattar Rasul & Roseamnah Abd. Rauf (2013). Penggunaan Laman Web Sebagai Transformasi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam. *The Online Journal of Islamic Education*. Vol. 1 Issue 2.
- Nur Hanani Hussin, Mohd Aderi Che Noh & Ab. Halim Tamuri (2013). *Elemen Mengenali Murid dalam Pengajaran Guru Cemerlang Pendidikan Islam*. *The Online Journal of Islamic Education*. Vol. 1 Issue 2.
- Siti Fatimah Ahmad dan Ab. Halim Tamuri (2010). *Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Berdasarkan Teknologi Multimedia dalam Pengajaran j-QAF*. *Journal of Islamic And Arabic Education*. Vol. 2 Issue 2.

- Sufean Hussin (2005). *Pentadbiran Dalam Pembangunan Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Zakiah Osman. *Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan BBM Berasaskan Multimedia Interaktif Dalam Pengajaran Polimas*.
- Ramlah Kassim. Guru Cemerlang Pendidikan Islam, Sekolah Kebangsaan Pendang. Wawancara: 5 Mei 2016.
- Zuhdi Anaqi Mohd. Nizam. Pengawas, Tahun 5 Bestari, Sekolah Kebangsaan Pendang. Wawancara: 12 Mei 2016
- Zulaikha Ahmad. Penolong Ketua Kelas 5 Bestari, Tahun 5 Bestari, Sekolah Kebangsaan Pendang. Wawancara: 12 Mei 2016.